

PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK



Semua Ketua Jabatan/  
Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Negeri Perak Darul Ridzuan

PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK

BIL. 3 TAHUN 2010

SAMAN KESALAHAN LALU LINTAS BAGI KENDERAAN  
KERAJAAN NEGERI

**1. TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan peraturan berhubung pembayaran saman kesalahan lalu lintas yang melibatkan kenderaan Kerajaan Negeri.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Sejak kebelakangan ini terdapat terlalu banyak saman telah dikeluarkan oleh Polis DiRaja Malaysia bagi kesalahan lalu lintas melibatkan kenderaan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Perak.

2.2 Kerajaan Negeri terpaksa membayar kesemua tuntutan saman ini termasuk saman-saman yang tertunggak sejak tahun 2001.

### **3. PERATURAN PEMBAYARAN SAMAN KESALAHAN LALU LINTAS**

3.1 Bagi mengatasi masalah saman-saman tertunggak dan saman-saman yang diterima pada tahun ini, Kerajaan Negeri telah memutuskan peraturan berikut dilaksanakan.

3.1.1 Bagi saman-saman tertunggak berhubung kesalahan lalu lintas yang dilakukan sebelum 31 Mac 2010, pembayaran saman akan dibuat oleh Kerajaan Negeri melalui Pejabat Kewangan Negeri.

3.1.2 Bagi kesalahan lalu lintas selepas 31 Mac 2010, setiap saman hendaklah dibayar oleh pemandu kenderaan berkenaan, kecuali kesalahan yang disaman itu berlaku di atas arahan pegawai, maka tanggungjawab membayar saman tersebut terletak ke atas pegawai berkenaan.

3.2 Ketua Jabatan hendaklah memaklumkan peraturan di atas kepada semua pemandu di jabatan masing-masing.

### **4. TARIKH KUAT KUASA**

4.1 Pekeliling Kewangan ini berkuat kuasa serta-merta.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

Jamalludin

(DATO' JAMALLUDIN AL AMINI BIN HJ. AHMAD)  
Pegawai Kewangan Negeri  
Perak Darul Ridzuan.

7 Jun 2010